Selain itu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ling (2014) bahawa aktiviti berkaitan kreatif seperti aktiviti seni kurang didokumentasi secara terperinci dalam Semakan Kurikulum Standard Prasekolah (KSPK) begitu juga hal berlaku kepada pergerakan kreatif. Melalui penelitian terhadap modul-modul yang dibekalkan oleh kementerian pendidikan kepada prasekolah terdapat beberapa modul seperti modul teras, modul bertema, modul pengajaran matematik, modul pengajaran bahasa inggeris, modul pengajaran bahasa melayu, modul aktiviti permainan luar namun masih belum ada modul khusus tentang pergerakan kreatif untuk dijadikan panduan kepada guru prasekolah menjalankan aktiviti pergerakan ini. Sekiranya hal ini berterusan, terdapat kekangan kepada guru-guru prasekolah untuk menjalankan aktiviti pergerakan ini sedangkan pergerakan kreatif tersenarai dalam tunjang perkembangan fizikal dan estetika kreativiti yang perlu dicapai oleh kanak-kanak prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula aktiviti yang berkaitan dengan aktiviti kreativiti ini sukar dilaksanakan dan mencabar (Ling, 2014) oleh guru prasekolah walaupun mereka mengetahui akan kelebihan aktiviti berkaitan kreativiti kerana persepsi tidak menyokong kepada pengetahuan dan pelaksanaan. Rima Faber (2017) pula menyokong dengan mengatakan bahawa ramai guru belum dapat memahami pengajaran pergerakan kreatif dengan baik dalam bilik darjah. Lantaran itu, Muhamad Fazli Taib (2010) dalam kajiannya mencadangkan agar penggunaan modul pergerakan kreatif dibangunkan agar dapat membentuk pelajar yang mempunyai daya imaginasi kreatif keintelektualan pelajar yang dinamik. Pernyataan ini perlu disebarluas dari akar umbi pendidikan iaitu pada peringkat prasekolah lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Norsita Ali (2014) dalam kajiannya juga mendapati guru prasekolah mengetahui akan kepentingan aktiviti kreatif yang merangsang kepada pemikiran kreatif kanak-kanak  namun guru memerlukan bahan rangsangan bagi mengendalikan aktiviti kreatif. Begitu juga dengan Mclaughlin E.M (2011) mendapati bahawa kanak-kanak lebih cenderung mengambil bahagian dalam pergerakan kreatif ini dengan panduan dan arahan guru. Ini menunjukkan bahawa guru merupakan nadi penting dalam kelangsungan pergerakan kreatif dalam pendidikan prasekolah dan panduan yang sistematik perlu ada bagi kelancaran pengajaran pergerakan kreatif ini. Tambahan pula guru yang sinonim dengan pengajaran mempunyai tanggungjawab sebagai penyampai ilmu dan keberkesanan pengajaran banyak tertumpu bagaimana seseorang guru itu berjaya mencapai objektif pengajaran dalam membantu kanak-kanak belajar apa yang diajar (Zamri Mahamod, Juliawatu Ibrahim & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini ditambah dengan penyataan, Sevimili dan Johnson (2013) menyatakan bahawa kesedaran dan sokongan tentang kebaikan menjalankan aktiviti pergerakan ini tidak memadai jika guru masih mempunyai pengetahuan dan kecekapan yang sangat terhad dalam menjalankan aktiviti berbentuk pergerakan ini. Guru prasekolah sedar bahawa aktiviti pergerakan mampu membantu perkembangan fizikal, sosial dan kognitif (Copeland et al, 2012; Obeng, 2010) namun disebabkan oleh kekangan kurang pengetahuan dan panduan ditambah pula dengan halangan infrastruktur yang tidak mencukupi, sokongan ibu bapa yang terhad dan cuaca maka aktiviti kemahiran pergerakan kreatif ini seperti ini diabaikan (Wang, Boris, & Lin, 2003; Stephen Kathy Brynt, 2009; Mclaughlin E.M, 2011; Gersak Vesna, 2012). Perkara ini perlu diambil berat kerana pada umur kanak-kanak prasekolah inilah merupakan tahap paling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



penting dan sukar dalam perkembangan motor mereka (Gallahu & Donnely, 2003) dan satu kemestian untuk kanak-kanak menguasai kemahiran ini (De Oreo & Keogh, 1980; ShumayCook & McCollum, 1991; Ulrich & Ulrich, 1985).

Ini dibuktikan lagi pandangan Yulia (2009) yang mengatakan bahawa sebilangan guru prasekolah masih belum kreatif dan berinovasi dalam menjalankan aktiviti kreatif terutama aktiviti pergerakan. Hal ini menyebabkan guru prasekolah mengambil jalan mudah menggunakan pendekatan formal, latih tubi tambahan pula kurang pemantauan (Ling, 2010). Walaupun kini, Pendidikan Malaysia telah mengalami revolusi pendidikan namun stigma pengajaran berasaskan pendekatan formal masih diguna pakai oleh guru-guru prasekolah. Ini menandakan bahawa guru-guru lebih selesa dan sudah sebati dengan pengajaran formal apatah lagi pengajaran kreatif berbentuk pergerakan kreatif memerlukan asas ilmu, kehendak dan kesungguhan. Maka dengan adanya panduan pengajaran kemahiran pergerakan kreatif sedikit sebanyak akan meringankan beban guru prasekolah dalam menjalankan aktiviti tersebut di dalam bilik darjah. Tambahan pula aktiviti yang melibatkan kreativiti ini seharusnya menjadi satu paksi utama yang perlu dicapai berdasarkan kepada pelbagai kesan positif kepada perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Halim Misnan (2014) juga mencadangkan agar aktiviti berbentuk kreatif dan bermain perlu dipertingkatkan dalam prasekolah kerana aktiviti tersebut bukan sahaja menarik minat murid, menyeronokkan malah mampu meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi kanak-kanak. Begitu juga dengan Aliza Ali (2016) dan Hanizah Abdul Bahar (2010) dalam kajiannya mencadangkan agar pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berunsur bermain, muzik dan gerakan diaplikasikan dalam bilik darjah prasekolah. Jelaslah bahawa berlaku satu persilangan antara pengajaran secara formal yang telah lama diguna pakai dengan pengajaran kreatif yang memerlukan pengetahuan, kebolehan dan komitmen guru prasekolah itu sendiri. Namun dengan adanya panduan pengajaran pergerakan kreatif berbentuk modul ini, maka sedikit sebanyak membantu dan menunjuk arah kepada guru prasekolah menjalankan aktiviti pergerakan kreatif dengan yakin dan tidak mendatangkan stress akibat kekurangan ilmu atau persediaan.

Kajian Kamisah Buang (2013) mendapati bahawa wujudnya kekurangan dalam pelbagai bahan rujukan menjadi halangan dan punca guru kurang mahir. Kajian ini juga menjelaskan situasi guru prasekolah kurang mengamalkan ciri-ciri profesional malah kurang mahir dalam pelbagai aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (pdp) sedangkan pengetahuan sesuatu subjek dan pengalaman terhadap pedagogi sangat penting dalam meningkatkan keberkesanan. Tambahan pula, guru kurang pengetahuan tentang pengetahuan kandungan dan pedagogi sedangkan kedua-dua aspek ini memudahkan pengajaran mereka di dalam kelas (Siti Hidayana Nassiri, 2011). Menurut Mohd Nazri Abd Rahman dan Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor (2018), keberkesanan dan kualiti pengajaran di dalam bilik darjah prasekolah sangat bergantung kepada kualiti dan kefahaman kurikulum guru prasekolah itu sendiri. Aktiviti pergerakan kreatif juga tidak terlepas dari kekurangan ini. Dengan memikirkan hal ini, maka pembinaan modul pergerakan kreatif berunsur drama ini penting dan boleh dijadikan sumber rujukan guru bagi memenuhi kekurangan bahan rujukan sedia dan membantu kefahaman dan pengetahuan guru prasekolah terhadap aktiviti yang berkaitan dengan pergerakan kreatif ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Berdasarkan laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2012 ; 2013), terdapat beberapa masalah dikenal pasti berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran prasekolah antaranya ialah guru prasekolah kurang kefahaman tentang kandungan kurikulum dan pedagogi prasekolah. Kesan secara langsungnya, guru prasekolah kurang berupaya dalam penyampaian pengetahuan dan kemahiran di dalam bilik darjah. Dilihat pula daripada sudut dasar, keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum pendidikan bergantung kepada kepada kompetensi dan kefahaman (Rosmah Abd Ghani & Mariani Md Nor, 2014). Lebih membimbangkan, menurut Jain Chee (2017) dalam kajiannya mendapati bahawa guru prasekolah kurang melaksanakan kurikulum KSPK 2010 kerana kurang faham dan tidak menguasai kandungan KSPK dengan baik. Maka, pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif dalam bilik darjah prasekolah yang sememangnya terdapat di dalam kandungan KSPK juga mengalami masalah yang sama tambahan pula kurangnya modul khusus pergerakan kreatif yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada guru prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperti mana yang dinyatakan, bahawa terdapat kekurangan dalam kajian tentang pergerakan kreatif di Malaysia (Muhamad Fazli Taib, 2010), namun masih terdapat banyak kajian pergerakan asas kanak-kanak prasekolah yang dilakukan di Malaysia yang boleh dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan dalam menjalankan kajian pergerakan kreatif kanak-kanak ini (Halijah Ibrahim, 2008; Masri Baharom, 2013; Siti Khadijah, 2013; Samsulariffin, 2015). Ini kerana pergerakan asas ini merupakan kemahiran utama dalam menjalankan aktiviti pergerakan kreatif kanak-kanak prasekolah kerana pergerakan kreatif adalah kelangsungan daripada kemahiran pergerakan asas yang ditambah dengan empat elemen penting iaitu tubuh badan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



masa, daya dan (Laban, 1975). Kajian-kajian tentang pergerakan asas sangat berkait rapat dengan pergerakan kreatif dalam kajian ini.

### 1.3.2 Kurang kesediaan pergerakan kreatif kanak-kanak

Kanak-kanak pada awal persekolahan seharusnya telah dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran utama seperti kemahiran motor, sosial, kognitif, emosi dan afektif bagi kesediaan mereka alam melangkah ke darjah satu. Namun perkara ini tidak berlaku kerana kanak-kanak ini hanya dilengkapi dengan kesediaan daripada sudut kognitif berbanding dengan kesediaan fizikal dan emosi (Saturia Aminuddin, 2014). Daripada sudut kepentingan pergerakan kreatif kepada kanak-kanak pula, Hardly et al. (2009)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati kanak-kanak yang tidak mahir dalam pergerakan akan gagal dalam domain psikomotor dan mendapat kesukaran dalam aktiviti sukan dan permainan. Ini kerana kanak-kanak yang dapat menyesuaikan diri dan mendapat penyelarasan awal lebih cenderung berjaya dalam akademik dan keseimbangan semua domain perlu bagi pencapaian kanak-kanak.

Sebelum 1960, Sistem Pendidikan Malaysia didominasi oleh pendekatan yang diperkenalkan oleh Binet dan Terman iaitu kepintaran. Sejak itu juga sistem pendidikan Malaysia lebih berorientasikan dinamika kepintaran dari peringkat prasekolah lagi. Kanak-kanak di prasekolah juga tidak terlepas daripada situasi itu kerana menurut Torrance (1997) dan Lim Smith (2008) kreativiti kanak-kanak semakin berkurang apabila memasuki prasekolah kerana terikat peraturan, pematuhan dan pencapaian yang semakin menekan Dalam kajian Haslina Hanafi (2013) juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menyatakan guru-guru tahun satu cenderung untuk menggunakan ujian yang lebih berfokuskan pengukuran terhadap kognitif anak-kanak (Asma' Munirah, Nadirah, Fazielah, Shamsul Hidayat, & Mohd Syafiq, 2009) dan banyak tadika menggunakan kurikulum berpreskriptif tinggi dengan memberi penekanan kepada ujian (Miller & Almon, 2009) serta guru prasekolah lebih suka mengajar menggunakan kaedah latih tubi (Mahzan Arshad & Jain Chee, 2017). Kaedah ini sedikit tersasar daripada konsep prasekolah dan di sekolah yang perlu keseimbangan dalam menilai kanak-kanak pada semua domain kerana kanak-kanak perlu menguasai bukan sahaja kemahiran kognitif malah kemahiran sosial, kemahiran fizikal dan afektif juga perlu dinilai dan dikembangkan potensinya kerana tidak membantu perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh yang meliputi enam aspek iaitu perkembangan komunikasi, bahasa, kognitif, kerohanian dan moral. Sosioemosi, fizikal juga kreativiti dan estetika (Asma' Munirah, et al., 2009). Menurut Janus dan Offord (2007) kecekapan dalam semua bidang ini akan memastikan kanak-kanak bersedia untuk mendapat manfaat daripada aktiviti pembelajaran yang dilakukan di persekitaran sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lebih menyedihkan, persekitaran pembelajaran sekarang tidak menjadikan pendidikan pergerakan kreatif sebagai satu nilai tambah dalam pencapaian akademik (Trematche, Robinson & Graham, 2007). Ditambah pula tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa yang mengatakan bahawa pendidikan jasmani yang merupakan pendidikan pergerakan hanya membazir masa tidak membantu pencapaian akademik anak-anak mereka dan tidak menjamin masa depan (Syed Kamaruddin Syed Ali, 2014), bukan mata pelajaran teras (Ali Maksum, 2008). Namun berbalik kepada teori Montessori (Fisher 1913) yang melihat pergerakan adalah satu pengalaman pembelajaran yang sangat penting dan memberi impak kepada pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(Standing, 1957) dapatan ini saling bercanggah dengan teori ini. Walaupun tiga perkembangan domain iaitu kognitif, sosial-emosi dan jasmani adalah sama penting dalam pembangunan kanak-kanak, domain kognitif sudah pasti menerima perhatian yang paling tinggi di sekolah-sekolah berbanding dengan domain fizikal (Ignico 1994; Stork & Sanders, 2008). Namun jika pendidikan pergerakan kreatif ini dijalankan mengikut garis panduan yang betul, pergerakan kreatif ini akan mampu meningkatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.

Menurut Cheung (2012) kepercayaan guru terhadap konsep kreatif dan pengajaran di dalam bilik darjah berkaitan dengan kreatif dan kreativiti mempengaruhi pembinaan kreativiti di sekolah. Begitu juga halnya dengan pengamalan pengajaran pergerakan kreatif di sekolah. Namun disebabkan oleh tekanan daripada pihak tertentu, guru lebih menumpukan kepada pembelajaran hafalan huruf dan nombor (Astriya & Kuntoro, 2015; Moyles, 2014; Prentice, 2000). Keadaan ini memberi impak yang kurang baik kepada perkembangan kreativiti di peringkat awal kanak-kanak. Pembelajaran berorientasikan hafalan ini menghalang perkembangan ekspresi kreatif kanak-kanak (Soh, 2017; Kavita & Manonmani, 2014; Mellou, 1996). Pengajaran seperti ini juga menjadikan kanak-kanak itu kurang berimaginasi, bermain, berangan dan berkreatif (Azli Ariffin, 2018). Sedangkan jika diamati, perubahan terbesar dalam semakan KSPK 2017 ialah pengajaran lebih tertumpu kepada memberi kebebasan kepada kanak-kanak prasekolah berkreatif dalam bermain dan memberi peluang lebih kepada aktiviti fizikal. Peluang berkreatif, bermain dan melakukan aktiviti fizikal ini secara langsung ada di dalam aktiviti pergerakan kreatif ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.3.3 Kurang kemahiran interaksi lisan kanak-kanak prasekolah

Salah satu peranan pergerakan kreatif ialah wujudnya interaksi antara kanak-kanak (Salmah Ayob, 1994) dan kanak-kanak prasekolah juga memerlukan penekanan terhadap interaksi lisan terutama dengan rakan sebaya, guru dan persekitarannya. Interaksi lisan harus disemai pada peringkat kanak-kanak lagi dan sekolah menjadi tempat yang paling sesuai untuk memupuk semangat pola interaksi mereka. Ini kerana sekolah berfungsi sebagai tapak asas yang dapat mengintegrasikan kanak-kanak pelbagai etnik dalam satu persekitaran budaya dan masyarakat sekolah yang bertoleransi (Najeemah Mohd Yusof, 2005).

Kanak-kanak sering tercabar dengan persekitaran baru walaupun dalam skop yang kecil iaitu dalam bilik darjah. Interaksi dengan rakan sebaya, guru dan persekitarannya yang akan memberi impak yang besar kepada mereka dan kemahiran sosial kanak-kanak akan berada dalam situasi bahaya apabila mereka gagal dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran (Nursuhaila Baharuddin, 2010). Interaksi lisan pula berkait sangat rapat dengan interaksi sosial kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa interaksi lisan kanak-kanak prasekolah harus diambil berat akan perkembangannya namun perkara ini seperti terdapat kekangan dan kekurangannya kerana beberapa standard pembelajaran dalam tunjang komunikasi prasekolah telah dikenal pasti belum dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah melalui kajian yang dijalankan oleh Noor Miza Abdul Rahman (2015) seperti standard pembelajaran BM 2.2.5 menyoal dengan menggunakan sebutan yang betul, BM 2.2.6 mengemukakan soalan yang sesuai dan mudah difahami dan BM 2.2.7 menjawab soalan dengan ayat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang mudah dan sesuai. Antara sebabnya ialah kurang memberi peluang interaksi lisan dalam pdp.

Ini ditambah pula kurang dokumentasi aktiviti yang berkaitan dengan interaksi lisan dan komunikasi di dalam Semakan KSPK (2017) itu sendiri. Berdasarkan analisis terhadap modul-modul yang dibekalkan oleh KPM kepada prasekolah hanya terdapat 77 daripada 309 aktiviti yang menjurus kepada kemahiran komunikasi (Noor Miza Abdul Rahman, 2015). Sedangkan berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Mohd Nazri Abd Rahman dan Wan Nurul Baizura Wan Mohd Noor (2018) dalam analisisnya terhadap perubahan dalam semakan KSPK (2017) menyatakan bahawa penekanan dan perincian diberikan lebih kepada kemahiran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Melayu perlu dijalankan secara aktif di dalam bilik darjah prasekolah. Kemahiran interaksi lisan pula sememangnya terdapat dalam kedua-dua mata pelajaran ini. Abdul Halim Masnan (2014) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa guru permulaan prasekolah lebih memfokuskan kepada kemahiran membaca dan menulis sahaja atas pengaruh pihak sekolah yang lebih mengutamakan pencapaian akademik. Sekiranya hal ini tidak diberi penekanan maka, tidak mustahil kemahiran interaski lisan kanak-kanak prasekolah sukar dicapai sebagaimana visi Semakan KSPK (2017) iaitu kebolehan berinteraksi dengan orang lain itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Interaksi dan berkomunikasi antara pengalaman dalam persekitaran kanak-kanak. Sementara rakan sebaya pula merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam persekitaran kanak-kanak dan memberi kesan terhadap pencapaian dan aspirasi seseorang individu berbanding dengan latar belakang dan komposisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sekolah (Quek, 2006). Maka, jika kanak-kanak mempunyai kekangan dalam interaksi lisan kanak-kanak dengan rakan sebayanya, secara tidak langsung akan menjejaskan keseluruhan perkembangannya. Tambahan pula rakan sebaya ini memainkan peranan penting dalam perkembangan kebolehan sosial dan kognisi sosial (Nursuhaila Baharuddin, 2010). Dapatan kajian Nur Nadirah Zukeflli dan Vijayaletchumy (2018) menimbulkan keresahan kerana mendapati kanak-kanak taska belum menguasai pemerolehan bahasa dalam kemahiran komunikasi dengan baik walaupun ada kajian yang menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku secara semulajadi. Ini menunjukkan bahawa pemerolehan bahasa perlu dibantu seawal usia agar berkembang dengan lebih baik.  Lantaran itu, penekanan harus diberikan kepada kebolehan interaksi lisan pada awal perkembangan kanak-kanak di prasekolah ini agar halangan-halangan dalam perkembangan domain yang lain dapat dikurangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan Mohd Zuri Ghani (2008) dalam kajiannya mendapati terdapat pengaruh yang kuat rakan sebaya di kalangan pelajar pintar cerdas. Ini menunjukkan bahawa interaksi dengan rakan sebaya sangat diperlukan walaupun kanak-kanak itu mempunyai kognitif yang baik. Tambahan pula komponen hebat 4C dalam pembelajaran abad ke 21 (*Partnership for 21st Century Skills, 2007*)  iaitu berfikiran kritikal, komunikasi, kolaboratif dan kreativiti telah menunjukkan komunikasi, kreativiti dan kolaboratif diberi penekanan sama hebat dengan berfikiran kritis. Banyak kajian lebih terarah kepada melahirkan murid-murid berfikiran kritis apabila dalam TIMMS dan PISA pada 2012 menunjukkan peratusan pencapaian yang kurang menggalakkan. Namun kajian bagi melahirkan  murid-murid yang mahir berkomunikasi dan kreatif seperti kurang diberi perhatian. Oleh yang demikian sistem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pendidikan perlu memahami dan menghayati kemahiran abad ke-21 dalam konteks akademik secara menyeluruh agar keseimbangan itu dicapai.

Lebih-lebih lagi, komunikasi yang terdapat dalam 4C ialah bukan sahaja berinteraksi dengan rakan sebaya tetapi komunikasi yang lebih berfokus kepada berkongsi pendapat, soalan, idea dan penyelesaian antara mereka. Sementara kreativiti pula berfokuskan kepada mencuba pendekatan baru sama ada dalam bentuk inovasi atau ciptaan (*Partnership for 21st Century Skills*, *2007*). Maka gabungan antara interaksi lisan dan penglahiran kreativiti merupakan satu elemen utama dalam kajian ini. Atas dasar itu satu modul dibangunkan bagi membina garis panduan berbentuk modul pergerakan kreatif yang di dalamnya terisi aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif dengan gabungan unsur drama yang memberi penekanan kepada interaksi lisan kanak-kanak. Unsur drama dalam kajian ini iaitu main peranan, teater bercerita dan simulasi dijadikan sebagai sandaran kepada aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif. Tambahan pula, sesuatu pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih terancang dan sistematik jika dilaksanakan secara modul (Shahrom Noordin, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membina Modul kemahiran pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak (PeTif-Ma) yang dapat membantu guru dalam menjalankan pengajaran aktiviti pergerakan kreatif berunsur drama dan interaksi lisan kanak-kanak prasekolah. Pengkaji memilih untuk membina modul pengajaran pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah ini kerana sebelum ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kajian yang dilakukan ke atas pergerakan kreatif lebih merujuk kepada keperluan satu panduan atau modul bagi menjalankan pengajaran pergerakan kreatif sendiri. Ini kerana menurut Shaharom Noordin (1995) dan Kamdi Kamil (1990), penggunaan modul akan menjadikan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih sistematik dan terancang serta mudah difahami dan diikuti oleh guru dan murid.

Selain itu, pengkaji memilih pergerakan kreatif kanak-kanak prasekolah kerana ingin selari dengan matlamat Semakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017 (KSPK) yang merangkumi dua tunjang penting yang perlu dikuasai iaitu tunjang perkembangan fizikal dan estetika kreativiti dan tunjang komunikasi Bahasa Malaysia. Sekiranya modul yang dibina ini menunjukkan terdapat perubahan yang positif terhadap pergerakan kreatif dan interaksi lisan kanak-kanak prasekolah maka modul pengajaran pergerakan kreatif ini amat sesuai dan boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pergerakan kreatif di prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan Model ASSURE (1981) dalam pembinaan modul ini yang merangkumi enam langkah turutan yang perlu dilalui dalam pembinaan modul ini. Pendekatan pembinaan modul ASSURE ini akan melalui fasa 1: i) analisis murid, ii) nyatakan objektif, iii) menganalisis dan pemilihan kaedah, media dan bahan. Sementara dalam fasa 2 melibatkan langkah iv) guna media dan material, v) perlukan penglibatan murid dan fasa 3 melibatkan langkah vi) menilai dan menyemak. Hasil daripada analisis data, pengkaji dapat meneroka dan mengenal pasti perubahan secara langsung atau tidak langsung interaksi lisan antara kanak-kanak prasekolah dan pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Membina modul pengajaran kemahiran pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah.

1.5.2 Menentukan kesahan modul kemahiran pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah.

1.5.3 Menentukan kebolehpercayaan modul pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah.

1.5.4 Menilai kebolehlaksanaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah prasekolah.

1.5.5 Menilai kebolehlaksanaan modul terhadap tahap pengetahuan, kemahiran dan amalan guru prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.6 Menilai kebolehlaksanaan aktiviti dalam modul dalam membantu kanak-kanak prasekolah berinteraksi secara lisan.

## 1.6 Soalan Kajian

1.6.1 Adakah isi kandungan modul kemahiran pergerakan kreatif berunsur kanak-kanak prasekolah ini memenuhi keperluan Kurikukulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?

1.6.2 Apakah kesahan modul kemahiran pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah ini?

1.6.3 Apakah kebolehpercayaan modul pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah ini?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.6.4 Sejauhmanakah kebolehlaksanaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah prasekolah?

1.6.5 Sejauhmanakah kebolehlaksanaan modul terhadap pengetahuan, kemahiran dan amalan guru prasekolah?

1.6.6 Sejauhmanakah kebolehlaksanaan aktiviti di dalam modul dapat membantu kanak-kanak prasekolah berinteraksi secara lisan?

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Hasil daripada tinjauan literatur, didapati kekangan wujud dalam melaksanakan aktiviti pergerakan kreatif atas sebab kekurangan panduan dalam melaksanakannya ditambah pula dengan kekangan kurang kefahaman dan pedagogi guru prasekolah. Begitu juga dengan masalah yang wujud dalam kemahiran interaksi lisan kanak-kanak prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat kepada kedua-dua aspek ini maka pendekatan melaksanakan satu panduan berbentuk modul digunakan bagi membantu guru-guru prasekolah dalam menjalankan aktiviti pergerakan kreatif berunsur drama dengan lebih yakin dan berkesan di samping melihat kepada proses interaksi lisan yang berlaku kepada kanak-kanak prasekolah ketika aktiviti pergerakan kreatif ini dijalankan.

Oleh sebab pengkaji ingin meneliti dengan lebih mendalam proses dan fenomena yang berlaku terhadap pengajaran kreatif oleh guru prasekolah dan interaksi lisan kanak-kanak, maka pendekatan kualitatif dijalankan bagi tujuan meneroka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengajaran guru dan interaksi kanak-kanak ini. Model ASSURE (Heinich, Molenda & Smaldino, 1996) digunakan untuk menghasilkan modul PeTif-Ma ini. Modul yang dihasilkan berdasarkan semakan KSPK (2017) dan diubahsuai mengikut kesesuaian aktiviti dan objektif kajian yang hendak dicapai. Terdapat tiga fasa dalam kajian ini iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan keperluan dan fasa pelaksanaan dan penilaian. Huraian lengkap prosedur pembinaan dijelaskan dalam bab 3 dan 4. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian.




*Rajah 1.1.* Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.8 Kepentingan Kajian

Pembinaan modul pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak (PeTif-Ma) diharapkan dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dalam pembelajaran umumnya dan kepada perubahan interaksi lisan kanak-kanak prasekolah khususnya. Selain itu, pembangunan modul ini juga dapat memberi garis panduan pengajaran kepada guru-guru prasekolah dalam mengaplikasikan pergerakan kreatif berunsur drama kepada kanak-kanak prasekolah dengan lebih efisien, berkesan dan teratur.

Dapatan kajian ini diharapkan memberikan pengetahuan kepada pengkaji dan kepada semua pihak dan institusi pendidikan dalam merangka aktiviti dan langkah susulan dalam meningkatkan kreativiti kanak-kanak dalam pergerakan. Dapatan kajian ini dapat diguna pakai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terutama Bahagian Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merencanakan pengajaran berasaskan pergerakan kreatif berunsur drama dengan lebih sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembangunan modul ini juga dapat diaplikasikan bukan sahaja kepada kanak-kanak prasekolah namun boleh diaplikasikan kepada murid-murid pendidikan khas hatta murid tahap satu sekolah rendah. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk melaksanakan penyelidikan seterusnya. Kajian seperti ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pengajaran guru dalam pergerakan kreatif berunsur drama dan peningkatan interaksi lisan kanak-kanak itu sendiri. Selaras dengan matlamat dan objektif dalam pendidikan prasekolah untuk membolehkan murid memperkembangkan keupayaan fizikal serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berkomunikasi dengan baik bersama rakan-rakan, guru dan orang lain (Semakan Kurikulum Standard Prasekolah, 2017)

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membina satu Modul PeTif-Ma bagi pengajaran kanak-kanak prasekolah. Modul ini juga akan diguna pakai dan diaplikasikan guru-guru prasekolah bagi mengenal pasti perubahan interaksi lisan kanak-kanak selepas menggunakan modul ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.1 Populasi dan sampel kajian

Kajian ini membataskan kepada dua buah kelas prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia yang melibatkan dua orang guru prasekolah dan enam orang kanak-kanak prasekolah di dua buah sekolah yang berbeza. Menurut Creswel (2012) melalui pendekatan kualitatif pengkaji boleh mengkaji seseorang individu atau dua ke 30 atau 40 sampel. Sampel dipilih secara bertujuan (dipilih dengan tujuan) dan bukan secara rawak.

Kajian ini hanya untuk kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun sahaja yang menjadi sampel dalam kajian ini. Bagi kanak-kanak yang lebih muda iaitu yang berada di taska, kajian lanjutan perlu dilakukan kerana perkembangan psikomotor mereka sangat berbeza. Selain itu, kajian ini tidak mengawal minat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dedikasi personaliti guru yang juga akan mempengaruhi murid-murid terhadap aktiviti-aktiviti pergerakan kreatif kanak-kanak.

### 1.9.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah kebangsaan daerah Ledang yang mempunyai prasekolah.

### 1.9.3 Tempoh Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan selama lapan minggu untuk mengumpul data di tempat kajian, manakala proses menganalisis dan menulis laporan dijalankan selama lebih lapan minggu. Jangka masa untuk menganalisis dan menulis laporan lebih lama kerana data perlu dianalisis dengan terperinci bagi mengelakkan sebarang keciciran maklumat.

## 1.10 Definisi Istilah Kajian

Dalam istilah operasional yang terdapat dalam kajian ini meliputi beberapa istilah penting iaitu kanak-kanak prasekolah, pergerakan kreatif, interaksi lisan, unsur drama, modul pergerakan kreatif, kemahiran, amalan dan pengetahuan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.10.1 Kanak-kanak prasekolah

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kanak-kanak prasekolah terdiri daripada kanak-kanak yang berusia lima dan enam tahun (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2001). Dalam kajian ini kanak-kanak prasekolah merujuk kepada murid sekolah KPM yang berusia lima tahun ke atas.

### 1.10.2 Pergerakan Kreatif

Pergerakan kreatif menurut Salmah Ayob (1992) ialah interprestasi idea, perasaan serta tanggapan deria yang dilahirkan secara simbolik melalui pergerakan sementara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fleming (1976) lebih memfokuskan gerak tari dalam mentakrif pergerakan kreatif. Dalam konteks kajian ini pergerakan kreatif tidak hanya kepada gerak tari atau tarian namun perlakuan-perlakuan kreatif. Menurut Laban (1975) pula terdapat empat elemen asas yang perlu ada dalam kemahiran pergerakan kreatif ini iaitu tubuh badan, ruang, masa dan perkaitan. Dalam kajian ini kemahiran pergerakan kreatif dilihat berdasarkan kepada ubahsuai semakan KSPK (2017) iaitu bergerak secara kreatif bagi menunjukkan elemen ruang, tubuh badan, masa dan hubungan antara rakan dan tubuh badan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.10.3 Interaksi lisan

Menurut Manduca (2013) interaksi murid-murid di dalam kelas merujuk kepada cara murid berkomunikasi antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini hanya memfokuskan kepada interaksi lisan kanak-kanak prasekolah dengan rakan sebaya dan guru semasa aktiviti pergerakan kreatif dijalankan iaitu interaksi secara lisan. Kemahiran interaksi lisan merujuk kepada kemahiran bertutur yang diubahsuai daripada KSPK (2017) iaitu :

i) Mengemukakan soalan yang mudah difahami

ii) Menyatakan jawapan dengan ayat mudah dengan betul.

iii) Menyatakan arahan yang mudah difahami.

iv) Menyatakan pendapat yang sesuai mengikut situasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.4 Unsur drama

Pengajaran pergerakan kreatif dalam kajian ini diberi unsur tambah elemen drama bagi membantu meningkatkan interaksi lisan kanak-kanak. Unsur drama dalam kajian ini hanya melibatkan tiga aktiviti drama iaitu main peranan, simulasi dan teater bercerita.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.10.5 Modul

Modul merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang memperihal tentang sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan tersusun mengikut urutan bagi memudahkan murid-murid belajar secara sendiri dan menguasai sesuatu unit dengan mudah dan tepat (Sidek Mohd Noh & Jamaluddin Ahmad, 2005). Sementara Nor Aishah Buang (2009) pula memberi takrifan modul sebagai satu pakej aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta konten yang secukupnya tetapi berkesan untuk mencapai sesuatu objektif atau pembelajaran.

Dalam konteks kajian ini, modul ini dibangunkan menjurus kepada aktiviti-aktiviti terancang pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah. Terdapat lapan aktiviti pergerakan kreatif dibangunkan dengan memasukkan elemen drama iaitu simulasi, main peranan dan teater bercerita dalam membantu perkembangan interaksi lisan kanak-kanak prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.6 Pengetahuan

Menurut Gagne (2005) pengetahuan merupakan asas bagi semua pembelajaran dan pengembangan sesuatu maklumat. Pengetahuan dalam konteks kajian ini ialah pengetahuan asas guru terhadap pengajaran dalam kemahiran melaksanakan aktiviti pergerakan kreatif dan drama termasuk. Selain itu, guru juga perlu berpengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam membantu kanak-kanak berinteraksi secara lisan mengikut keperluan, keupayaan dan pengetahuan sedia ada murid.

### 1.10.7 Kemahiran

Kemahiran menurut Sharani (2006) ialah suatu rantaian tingkah laku yang dapat dilakukan dengan lancar. Sementara Aliza Ali (2016) menyatakan kemahiran merupakan kebolehan seseorang melalukan sesuatu dengan baik dan cekap. Kemahiran dalam konteks kajian ini ialah kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran pergerakan kreatif dan drama dalam bilik darjah dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan teknik bagi membantu kepada peningkatan interaksi lisan kanak-kanak prasekolah. Selain itu, kemahiran terhadap penggunaan sumber bahan, menarik perhatian murid, merancang pengajaran dan penglibatan aktif murid juga merupakan kemahiran yang perlu ada pada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.8 Amalan

Amalan merupakan sesuatu perkara atau aktiviti yang dilakukan secara kerap dan konsisten. Selain itu amalan juga memberi maksud perbuatan yang biasa dilakukan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran (Aliza Ali, 2016). Amalan dalam konteks kajian ini ialah kesungguhan guru terhadap pengajaran bagi memastikan murid-murid menguasai kemahiran interaksi lisan dengan baik melalui aktiviti pergerakan kreatif berunsur drama ini. Selain itu, kesungguhan guru dalam menguasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



peruntukkan masa dan bahan yang diberikan juga diberikan perhatian dalam konteks kajian ini.

## 1.11 Rumusan

Bab 1 membincangkan pendahuluan dan latar belakang pergerakan kreatif berunsur drama kanak-kanak prasekolah dan interaksi lisan yang berlaku dengan rakan sebaya dan guru semasa aktiviti pergerakan kreatif dijalankan. Kekangan pengajaran guru prasekolah terhadap aktiviti yang melibatkan pergerakan juga diterangkan dalam bab 1. Selain itu, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, konseptual kajian dan definisi kajian juga diterangkan dalam bab ini sebagai pengenalan kepada kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi